



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207
Laman Web:
<http://portalpp.anm.gov.my/melaka>



Ruj. Kami : ANM(IT)MEL/07 JLD.2(45)
Tarikh : 06 Oktober 2020
Bersamaan : 18 Safar 1442H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Y. Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM *HOUSEKEEPING* ID PENGGUNA TIDAK
AKTIF SECARA *AUTO* DI SISTEM iGFMAS**

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa BPTM, JANM Ibu Pejabat telah melaksanakan **program *housekeeping* ID pengguna yang tidak aktif** secara *auto* mulai 3 Oktober 2020. Program ini dilaksanakan bagi memastikan hanya pengguna yang aktif dan sah sahaja menggunakan sistem. Ini disebabkan setiap ID pengguna iGFMAS menggunakan lesen yang perlu dibayar penyelenggaraannya oleh BPTM, JANM.

3. Program ini dijalankan secara *auto* dan tindakan mengunci ID/hapus ID pengguna adalah berdasarkan kategori seperti berikut :-

- i. **60 hari** – Pengguna yang tidak pernah login dan masih dalam initial password akan diberikan emel peringatan
- ii. **90 hari** – Pengguna yang tidak pernah login dan masih dalam initial password dan ID telah dihapuskan secara automatik
- iii. **120 hari** – Pengguna yang telah tukar kata laluan dan tidak login selama 120 hari berturut-turut diberi emel peringatan
- iv. **150 hari** - Pengguna yang telah tukar kata laluan dan tidak login selama 150 hari berturut-turut dan ID telah dikunci secara automatik
- v. **180 hari** - Pengguna yang telah tukar kata laluan dan tidak login selama 180 hari berturut-turut dan ID telah dihapuskan secara automatik

4. Sehubungan itu, pengguna yang terlibat dengan kategori di para 3 akan menerima emel notifikasi ID pengguna dikunci/dihapuskan yang dijana dari sistem iGFMAS bagi beberapa/salah satu dari sistem yang terdapat di dalam iGFMAS seperti berikut :-

- i. BP1CLNT400 = iGFMAS BWBI - BP1 (BEX Analyzer)
- ii. BWPCCLNT400 = iGFMAS BWBI - BWP (BOBJ)
- iii. ECPCLNT400 = iGFMAS ECC6 SAP GUI
- iv. ECPCLNT450 = iGFMAS PORTAL
- v. HCPCLNT400 = HCM (PENGURUSAN GAJI)
- vi. PSACLNT400 = iGFMAS SERVICE DESK

5. Pengguna yang menerima emel notifikasi tersebut dan masih memerlukan sistem-sistem yang berkaitan perlulah **mewujudkan insiden baru di sistem SOLMAN Service Desk dan muat naik borang permohonan KEMASKINI capaian (BORANG KEW.290E-01) yang lengkap bagi mengaktifkan semula ID sistem tersebut.** Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada *Local Administrator (LA) iGFMS* atau Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan, JANM Negeri Melaka seperti berikut :-

1.	Pn. Rafidah binti Mohd Said	06-2895052 fidah@anm.gov.my
2.	Pn. Mardiana binti Abu Hassan	06-2895053 mardiana.abuhassan@anm.gov.my
3.	En. Mohamed Alazheem bin Abdul Rahman	06-2895055 azheem.mlk@anm.gov.my
4.	Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan (UKPP)	06-2895027 / 5069 / 5073 / 5075 ukpp_mlk@anm.gov.my

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,



(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M), CPA(Aust.))

Pengarah,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka.

D:\Users\fidah\Documents\LA - LOCAL ADMINISTRATOR\...Surat - Makluman Housekeeping Okt 2020.doc

s.k Fail Timbul